

Alternatif Pelaburan Patuh Shariah: Analisis Terhadap Industri Penanaman Kelapa Sawit

Syahrul Anuar Ali
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: syahrul_cb@yahoo.com

Muhammad Hakimi Mohd Shafiai
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: hakimi@ukm.my

Mohd Adib Ismail
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: mohadis@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengurusan kekayaan peribadi dari perspektif Islam merupakan topik yang sangat menarik untuk dibincangkan, Islam telah menekankan sumber utama rezeki datangnya dari perniagaan. Masyarakat lebih gemar menjadi peniaga pasif seperti melabur dalam akaun pelaburan *Mudharabah* di bank sebagai salah satu medium untuk mengembangkan kekayaan peribadi. Pun begitu pulangan keuntungan dari akaun pelaburan *Mudharabah* sedikit kerana bergantung kepada prestasi keuntungan bank. Oleh itu, kertas kajian ini cuba menganalisa dan menilai pulangan pelaburan dalam penanaman kelapa sawit sebagai satu alternatif untuk meningkatkan kekayaan peribadi masyarakat Islam sebagai “pelan persaraan” pada hari tua. Analisa perbandingan akan dilakukan berdasarkan sejumlah nilai pelaburan yang sama dalam penanaman kelapa sawit dan hasil jualan Buah Tandan Segar (BTS) akan dilaburkan dalam akaun pelaburan *Mudharabah*, berbanding sekiranya pelabur terus melabur dalam akaun pelaburan *Mudharabah*. Kertas kajian ini menggunakan data harga BTS dari suku pertama 2006 hingga suku ke 4 2013 dan Kadar Pulangan Akaun Pelaburan *Mudharabah* sebagai jangkaan pulangan dari pelaburan yang dilakukan. Hasil kajian mendapati pelaburan dalam penanaman kelapa sawit adalah lebih menguntungkan berbanding pelaburan terus dalam akaun pelaburan *Mudharabah*. Namun keuntungan ini hanya dapat diperolehi sekiranya projek ini dijalankan dalam tempoh 25 tahun. Kajian ini juga mendapati jumlah zakat yang akan dikeluarkan sekiranya melabur dalam industri penanaman kelapa sawit adalah lebih tinggi berbanding jika terus melabur dalam akaun pelaburan *Mudharabah*. Kajian ini membuktikan perniagaan yang berasaskan komoditi adalah stabil dan mampu bertahan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Diharapkan kajian ini menarik minat masyarakat Islam untuk menceburi bidang pertanian yang menjanjikan pulangan yang sangat baik sebagai persediaan menghadapi alam persaraan.

Katakunci: Pengurusan Kekayaan Peribadi, Kelapa Sawit, Mudharabah

ABSTRACT

Personal wealth management from an Islamic perspective is a very interesting topic for discussion, Islam has emphasized the primary source of income came from business. Society prefer to be passive traders invest in Mudharabah investment account at the bank as a medium to develop personal wealth. However the return of profits from investment accounts Mudharabah bit in reliance on performance of the bank's profitability. Thus, this paper attempts to analyze and evaluate the return on investment in oil palm cultivation as an alternative to increasing the personal wealth of the Muslim community as a "retirement plan" after retirement. Comparative analysis will be conducted based on the total value of the same investment in oil palm cultivation and sales of Fresh Fruit Bunches (FFB) will be invested in the Mudharabah investment account, compared if investors direct to invest in Mudharabah investment account. This paper using data from BTS price first quarter of 2006 until 4th quarter of 2013 and the rate of return on Mudharabah Investment Account as the expected return from investment. The study

found that investment in oil palm cultivation is more profitable than investing directly in Mudharabah investment account. However, these gains will only be realized if the project is carried out within a period of 25 years. The study also found that the amount of zakat will be issued if investing in oil palm industry is much higher than if they continue to invest in Mudharabah investment account. This study proves that the commodity-based business is stable and able to survive in an uncertain economy. Hopefully this research attract of the Muslim community to involved in agriculture where returns very good to prepare for retirement.

Keywords: Personal Wealth Management, Palm Oil, Mudharabah

PENGENALAN

Pelaburan merupakan cara untuk mengembangkan kekayaan sama ada individu mahupun syarikat. Untuk mengembangkan nilai kekayaan, maka secara langsung ia sangat berkait rapat dengan perniagaan. Islam tidak menghalang umatnya untuk mengumpul kekayaan bahkan telah mengariskan panduan supaya selari dengan agama. Allah berfirman dalam Al-Quran yang mengkehendaki kita berjihad dengan harta dan jiwa ke jalan Allah seperti maksud ayat di bawah:

"Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah, sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) atau dengan keadaan berat (disebabkan pelbagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui."

(Surah at-Taubah, ayat 41)

Di sini membuktikan berhijad boleh dilakukan dalam pelbagai keadaan. Oleh itu, sewajarnya umat Islam meningkatkan kekayaan supaya harta yang diperolehi dapat disumbangkan ke jalan Allah bagi membantu menyebarkan syiar Islam di muka bumi.

Komoditi merupakan bahan yang diperolehi atau berasal dari sumber alam. Komoditi boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu hasil pertanian, tenaga dan logam. Di Malaysia kebanyakan pelabur melabur dalam sektor komoditi terdiri dari pelabur institusi dan kumpulan khusus pelabur yang mempunyai "high networth investor" dan jarang sekali pelabur runcit terlibat dalam pasaran komoditi. Jika dibandingkan pulangan (*return*) dan turun naik pelaburan (*volatility*) komoditi kepada kelas aset yang lain, komoditi biasanya mempunyai pulangan yang sederhana dengan turun naik yang tinggi.

Kelapa sawit merupakan sebahagian daripada komoditi. Pelaburan dalam sektor kelapa sawit merupakan sebahagian dari sektor ekonomi benar dan ianya membantu negara meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), seterusnya membantu negara meningkatkan eksport. Berdasarkan buletin statistik bulan Mac 2014, Bank Negara Malaysia jumlah eksport minyak kelapa sawit adalah stabil, dimana pada 2002 jumlah eksport minyak sawit berjumlah 10.86 juta tan meningkat kepada 14.89 juta tan pada 2008 dan pada tahun 2013 jumlah eksport minyak sawit berjumlah 17.82 juta tan. Meningkatkan jumlah eksport sangat penting bagi Malaysia kerana semakin membangun atau maju sesebuah negara itu maka semakin besar jumlah eksport. Walaupun sumbangan individu dianggap kecil dalam penanaman kelapa sawit tetapi sekiranya digabungkan usaha ini, maka kesannya sangat besar kepada masyarakat dan negara amnya untuk meningkat hasil kekayaan masyarakat.

Kebanyakan pelaburan sangat terikat kepada pasaran saham dunia dan harga minyak mentah, sekiranya prestasi salah satu atau keduanya merosot ia akan menyebabkan kebanyakan pelabur mengalami. Oleh itu industri makanan dilihat dapat mengurangkan risiko yang wujud dalam pasaran saham dan harga minyak mentah (Mohamed El Hedi Aroui & Duc Khuong Nguyen 2010). Pelaburan dalam kelapa sawit (sebahagian dari industri makanan) merupakan salah satu bentuk pelaburan yang sangat bagus dan pulangan keuntungan melibatkan jangka masa yang berpanjangan.

Menurut U.S Census Bureau (2011) penduduk dunia pada masa kini berjumlah lebih kurang 7 billion. Angka tersebut dijangka akan terus meningkat kepada 9 billion orang pada 2040. Ini menunjukkan potensi yang sangat besar dalam permintaan minyak berasaskan buah kelapa sawit kerana ia digunakan untuk tujuan makanan dan penghasilan barang keperluan selain makanan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Ramli Abdullah (2011) menunjukkan jumlah permintaan minyak sawit selari dengan peningkatan penduduk dunia.

Potensi bio-diesel untuk mengurangkan pergantungan pada bahan api yang berasaskan petrolium.

Oleh sebab sumber petroleum semakin berkurangan, maka pakar-pakar tenaga telah mencari alternatif untuk mengurangkan kebergantungan pada bahan bakar ini. Menurut S. Sumathi (2008) salah

satu sumber untuk menghasilkan bio-diesel adalah dari buah kelapa sawit. Menurut kajian yang dijalankan oleh Man Kee Lam et al. (2009) kos untuk menghasilkan bio-diesel dari kelapa sawit lebih rendah berbanding dari kacang soya dan sesawi.

Banyak komoditi, seperti minyak sawit mempunyai korelasi positif yang agak kukuh dengan inflasi dan dengan itu berpotensi memberi lindung nilai terhadap inflasi. Semasa keadaan inflasi yang tinggi atau semakin meningkat, banyak komoditi cenderung untuk mengekalkan kuasa beli mereka dan nilai (Ben R. Marshall et al. 2013). Apabila berlaku kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, harga komoditi yang digunakan untuk menghasilkan barang-barang dan perkhidmatan juga cenderung untuk meningkat. Aset kewangan seperti saham dan bon cenderung untuk menyusut, inflasi akan mengurangkan nilai aliran tunai.

Trend harga komoditi minyak sawit adalah lebih baik daripada trend harga saham. Berdasarkan Laporan Statistik 2012 MPOB (2013) menunjukkan tren harga minyak sawit adalah stabil seperti mana perubahan pada minyak sayuran yang lain. Menurut Moody's Investors Service (2014) dijangkakan harga minyak sawit stabil disebabkan permintaan berasaskan makanan sentiasa meningkat dan perubahan corak pemilihan makanan kerana tahap pendapatan yang semakin meningkat terutama di Asia. Oleh itu, industri minyak sawit adalah pelaburan jangka panjang yang lebih baik berbanding pasaran saham yang tidak menentu dan sukar diramal. Berdasarkan Laporan Statistik 2012 MPOB (2013) pengimport minyak sawit utama ialah China, Kesatuan Eropah, Pakistan, India dan Amerika. Permintaan yang tinggi dari negara-negara ini menyebabkan harga minyak sawit kekal stabil.

Berdasarkan Buletin Statistik Bulanan Mac 2014 menunjukkan pelaburan deposit individu yang terdiri dari deposit tetap, deposit pelaburan khusus dan deposit pelaburan am di perbankan Islam pada Disember 2013 berjumlah 6.027 billion daripada keseluruhan deposit individu RM318.522 billion. Keuntungan perbankan Islam banyak dipengaruhi oleh peningkatan modal dan jumlah pembiayaan. Oleh itu perbankan Islam sama seperti perbankan konvensional tidak dapat lari dari bergantung kepada pendeposit jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan keuntungan mereka. Peningkatan jumlah deposit sangat penting kepada bank kerana wang pelanggan akan digunakan untuk pelaburan seperti mengeluarkan pembiayaan, sekuriti, pasaran modal dan pelaburan dalam sektor lain asalkan ianya halal dan menguntungkan bank, apabila bank mendapat keuntungan maka ianya akan diagihkan kepada pendeposit sebagaimana yang telah dipersetujui di awal kontrak. Menurut kajian yang dijalankan oleh Shaista Wasiuzzaman dan Hanimas- Ayu (2010) mendapati kebanyakan deposit digunakan oleh perbankan Islam untuk mengeluarkan pembiayaan, maka dari situ bank mendapat pulangan keuntungan yang lebih tinggi.

Jika dilihat dari kedua-dua jenis pelaburan ini iaitu pelaburan dalam penanaman kelapa sawit dan deposit pelaburan Mudharabah, ianya adalah pelaburan patuh syariah dan ini membolehkan masyarakat Islam melabur dalam kedua-dua bidang pelaburan ini.

Objektif kajian adalah untuk meningkatkan kekayaan peribadi dari perspektif Islam melalui penanaman pokok kelapa sawit dan hasil jualan BTS dilaburkan dalam akaun deposit Mudharabah sebagai pelan persaraan di hari tua.

KAJIAN LEPAS

Berikut dibentangkan beberapa kajian lepas berkaitan harga, kos dan pulangan kelapa sawit yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini. Ayat K Ab Rahman, N Balu & Faizah Mohd Shariff (2013), telah melakukan kajian untuk melihat kesan penawaran dan permintaan minyak kelapa sawit ke atas harga minyak kelapa sawit. Kajian ini dilakukan berdasarkan data pengeluaran minyak mentah kelapa sawit dari Januari – Disember 2012 dengan menggunakan kaedah OLS dan hasil kajian mendapati harga minyak sawit mentah mempunyai hubungan negative dengan pengeluaran minyak sawit mentah dan bekalan minyak sawit. Hasil kajian juga mendapati harga minyak sawit mentah mempunyai tren meningkat apabila tiba musim monsun kerana pengeluaran minyak sawit mentah berkurang disebabkan kebanyakan buah tandan segar tidak dapat dituai mengikut tempoh yang sepatutnya.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Basri Wahid & Mohd Arif Simeh (2009) melihat faktor kos pengeluaran dan kaedah mengurangkan kos pada masa akan datang. Hasil kajian mendapati baja adalah faktor penyumbang utama kepada kos pengeluaran kerana 90% baja yang digunakan adalah diimport, oleh itu penulis mencadangkan penggunaan baja kompos atau biomass untuk mengurangkan kos tetapi hasil pengeluaran dapat ditingkatkan.

Khairuman H, Idris, O, Amran & Mohamad Arfan (2008) membuat kajian untuk melihat masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil kelapa sawit. Hasil kajian mendapati pekebun kecil menghadapi masalah dalam membeli input pertanian seperti baja dan racun rumpai.

Terdapat juga kajian untuk menilai sama bantuan benih yang dibekalkan dibawah skim tanaman semula membantu meningkatkan hasil pengeluaran BTS. Kajian dijalankan oleh Zulkifli Abd Manaf, Ayat K Ab Rahman, Nurul Aimi Abd Halim, Subih Ismail dan Ramli Abdullah (2013) dijalankan secara temubual dan dapatan kajian Menunjukkan hasil BTS meningkat kerana menggunakan benih yang berkualiti dari Skim penanaman semula dan seterusnya meningkat keuntungan kepada pengusaha ladang.

Manakala Ramli Abdullah (2011) telah mengkaji faktor yang mempengaruhi harga minyak sawit di Malaysia dan Indonesia. Hasil kajian mendapati faktor permintaan dari negara pengimport sentiasa meningkat menyebabkan harga minyak sawit sentiasa stabil. Penulis juga mendapati peningkatan jumlah permintaan minyak sawit adalah selari dan sangat signifikan terhadap perubahan permintaan minyak dan lemak dunia. Hasil kajian juga mendapati harga minyak kelapa sawit menerima kesan dari perubahan permintaan minyak lain seperti minyak soya kerana ia adalah barang pengganti kepada minyak sawit.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Simone Pfuderer dan Maria Del Castello (2008) pelabur mula tertarik kepada komoditi pertanian apabila nilai dollar, pasaran saham tidak menentu dan kadar faedah rendah. Pada suku pertama 2008 dianggarkan berjumlah US Dollar 42 billion berpindah ke pasaran Komoditi iaitu "US commodity market". Keadaan ini telah diambil kesempatan oleh spekulator dan akhirnya harga di pasaran komoditi dipengaruhi juga oleh mereka.

Menurut Amna Awad Abdul Hameed and Fatimah Mohamad Arshad (2008), kajian mereka untuk melihat hubungan jangka panjang diantara harga petrolium dengan harga minyak sayur seperti minyak sawit, soya, bunga matahari dan sawi. Kajian ini telah menggunakan pendekatan Engle-Ganger two-stage berdasarkan data bulanan dari Januari 1983 hingga March 2008. Hasil kajian menunjukkan peningkatan harga petroleum secara tidak langsung telah meningkatkan kos pengeluaran minyak sayur seperti minyak kelapa sawit.

Kajian yang dijalankan oleh M.N. Noormahayu, A.R. Khalid & M.A Elsadig (2009) mengkaji dari aspek kewangan terhadap penanaman kelapa sawit di tanah gambut di Sungai Panjang, Selangor. Kajian dilakukan menggunakan kaedah soal selidik terhadap 200 responden dengan menggunakan model Cobb-Douglas untuk mengkaji kos dan pulangan hasil. Hasil kajian mendapati kos bahan kimia (baja dan racun) yang digunakan sangat mempengaruhi hasil keuntungan peneroka berbanding kos buruh. Hasil kajian juga mendapati pulangan hasil yang tinggi jika diusahakan dalam tempoh 20-25 tahun berbanding jika kurang 10 tahun.

Manakala kajian lepas berkaitan deposit dan pulangan pula banyak dijalankan oleh pengkaji dari dalam dan luar Negara. Kajian yang dijalankan oleh Hichem Hamza & Zied Saadaoui (2013), untuk menilai hubungan di antara jumlah deposit dengan modal di perbankan Islam, kajian yang dijalankan di 59 buah bank Islam di pelbagai negara mendapati perbankan Islam menunjukkan penguasaan modal yang tinggi walaupun berhadapan persaingan yang sengit dari perbankan konvensional. Pulangan deposit dapat bersaing dengan perbankan konvensional kerana 'Profit Equalization Reserves' (PER) digunakan untuk mengimbangi pulangan keuntungan bagi mengekalkan pelaburan deposit.

Terdapat juga kajian yang dijalankan untuk menilai perbankan Islam di Malaysia mematuhi garis panduan pendedahan (disclosure) BNM dan hubungannya dengan akaun perkonsian untung akaun deposit. Kajian ini telah dijalankan oleh Rashid Ameer, Radiah Othman & Nurmazilah Mahzan (2012), kajian dijalankan secara temubual dengan pegawai institusi perbankan Islam di Malaysia dan ketua bahagian polisi BNM mendapati bank tidak memaklumkan pendedahan berkaitan polisi, prosedur, struktur produk, asas penetapan keuntungan dan kaedah pengiraan keuntungan diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan secara terperinci, pun begitu ianya bukanlah penyebab utama untuk pelabur tidak melabur dalam perbankan Islam.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Abdou Diaw dan Abdoulaye Mbow (2011) membuat perbandingan pulangan pelaburan mudharabah dengan pulangan ekuiti di 9 buah perbankan islam di tujuh buah negara berdasarkan data lima tahun (2005-2009), hasil kajian mendapati terdapat pulangan ke atas ekuiti (ROE) lebih tinggi dari akaun pelaburan Mudharabah walhal risikonya adalah hampir sama. Disamping itu, hasil kajian mendapati kadar pulangan pelaburan deposit juga sangat signifikan dipengaruhi oleh kadar faedah.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Mansor Jusoh, Antoni & Norain Mohd Asri (2010), mendapati terdapat hubungan kointegrasi antara kadar bunga deposit perbankan konvensional dengan kadar pulangan deposit perbankan Islam bagi tempoh matang yang sama. Tujuan kajian dijalankan untuk menganalisa perkaitan antara kadar bunga deposit perbankan konvensional dengan kadar pulangan deposit perbankan islam di Malaysia. Untuk mendapatkan keputusan kajian di atas penulis telah menggunakan kaedah sebab menyebab Granger berdasarkan data bulanan dari januari 2001 hingga Disember 2006.

Terdapat juga kajian yang dilakukan untuk melihat faktor yang mempengaruhi keuntungan perbankan Islam dan seterusnya memberi kesan kepada kadar pulangan akaun pelaburan. Kajian ini telah dijalankan oleh Shaista Wasiuzzaman & Hanimas Ayu Bt Ahmad Tarmizi (2010), Objektif kajian adalah untuk menilai faktor makroekonomi dan faktor dalaman bank (bank-specific) memberi kesan kepada keuntungan perbankan Islam di Malaysia. Apabila keuntungan yang diterima sedikit, maka para pendeposit juga akan menerima kesannya. Kajian ini telah dijalankan di 16 buah perbankan Islam di Malaysia yang melibatkan tempoh kajian dari 2005 hingga 2008 berdasarkan kaedah OLS. Hasil kajian mendapati kualiti asset, kecairan, kecekapan operasi, inflasi dan KDNK mempengaruhi keuntungan perbankan Islam di Malaysia.

Rifki Ismal (2011) menganalisa gelagat pengeluaran deposit oleh pelabur dan tindakbalas perbankan Islam untuk mengatasi pengeluaran tersebut. Kajian ini telah dijalankan di perbankan Islam Indonesia berdasarkan data siri masa dari Disember 2000 hingga Disember 2009 dengan menggunakan kaedah 'Linear Probability Model-LPM'. Hasil kajian mendapati bahawa pelabur tidak akan mengeluarkan pelaburan sekiranya perbankan Islam dapat memberi pulangan positif dan pelabur akan terus meningkatkan jumlah pelaburan mereka jika perbankan Islam mampu memberi pulangan positif. Hasil kajian juga mendapati perbankan Islam harus peka dengan keadaan ekonomi yang boleh mengakibatkan kemerosotan pulangan dari pelaburan.

Berdasarkan kajian lepas di atas, terdapat ruang yang boleh disumbangkan oleh kajian ini iaitu menjadikan hasil keuntungan yang diterima dari penanaman kelapa sawit sebagai "tabungan" seterusnya digunakan sebagai alat untuk meningkatkan nilai kekayaan melalui perbankan Islam. Kaedah tabungan ini digunakan sebagai salah satu sumber pendapatan semasa persaraan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data sekunder dari MPOB bagi mengetahui harga Buah Tandan Segar berdasarkan harga sukuan dari tahun 2006-2013 manakala Kadar Pulangan Mudharabah berdasarkan data sekunder dari BNM dari tahun 2006-2013. Kaedah temubual dengan pengusaha tanaman kelapa sawit, buruh ladang, pengusaha tapak semaian dan pengusaha jentolak dan pemerhatian di Kawasan Hilir Perak digunakan untuk menentukan kos berkaitan dalam penanaman kelapa sawit. Data berkaitan jumlah ekport minyak sawit Malaysia, harga minyak soya, harga minyak sawit dan harga minyak sawi dunia dari tahun 1981 hingga 2012 diperolehi dari laporan "Malaysian Oil Palm Statistics 2012" bagi menggambarkan potensi permintaan minyak sawit Malaysia. Fungsi bagi persamaan ekport minyak sawit Malaysia ialah:

$$\ln(\text{ECPO}_t) = \beta_0 + \beta_1 \ln(\text{SBO}_t) + \beta_2 \ln(\text{CPO}_t) + \beta_3 \ln(\text{RSO}_t) + \varepsilon_t$$

di mana,

ECPO_t = Jumlah eksport minyak sawit pada tahun t (tan)

SBO_t = Harga minyak soya dunia pada tahun t (US\$/tan)

CPO_t = Harga minyak sawit dunia pada tahun t (US\$/tan)

RSO_t = Harga minyak biji sawi dunia pada tahun t (US\$/tan)

ε_t = Ralat Stokastik

ANALISA PELABURAN DALAM PENANAMAN KELAPA SAWIT & DEPOSIT MUDHARABAH

Harga Tanah pertanian dianggarkan meningkat sebanyak 2%. Berdasarkan Perubahan nilai hartanah di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2012 purata peningkatan setahun ialah 4.82% (Statistik Bulanan, Februari 2013, BNM). Oleh itu jangkaan peningkatan 2% adalah munasabah untuk menyerap peningkatan kadar inflasi. Menurut kajian yang dijalankan oleh Dalina Amonhaemanon (2013) mendapati terdapat hubungan positif di antara kadar inflasi dengan pertumbuhan nilai hartanah di Thailand.

Jangkaan penghasilan BTS bagi sehektar tanah pertanian adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik dari MPOB iaitu Azman Ismail, Mohd Noor Mamat (2002). Kadar penghasilan BTS dipengaruhi oleh banyak faktor diantaranya jenis tanah, pembajaan, penjagaan dan iklim.

Berdasarkan kepada data suku pertama 2006 hingga suku ke empat 2013 menunjukkan perubahan turun naik harga BTS menunjukkan peningkatan purata harga BTS sebanyak 4%. Titik

pulang modal bagi pelaburan kelapa sawit ialah harga BTS mestilah RM308.00 per tan. Dengan andaian kos pengeluaran sentiasa meningkat 5% setahun dan nilai tanah pertanian meningkat pada kadar 2% setahun.

Jangkaan kos penjagaan dan menuai akan meningkat sebanyak 5% adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Azman Ismail & Mohd Noor Mamat (2002). Dengan andaian sekiranya peningkatan kadar inflasi 2-3% setahun mengakibatkan kos dalam pengeluaran meningkat 5%.

Jangkaan pulangan akaun pulangan deposit individu adalah 3.27% setahun. Jangkaan peningkatan pulangan deposit individu diandai tetap kerana sejak tahun 2006 hingga 2013 kadar pulangan lebih kurang sama sahaja bagi setiap tahun yang dikaji.

Sekiranya tanah pertanian yang dibeli belum diusahakan tanaman kelapa sawit dan dianggarkan kos yang terlibat seperti jadual di bawah bagi mengusahakan keluasan tanah 4 ekar:-

Kos Awalan

Beli Tanah Pertanian Untuk Tanaman Kelapa Sawit	RM 140,000.00
Menebang dan membersihkan tanah pertanian (RM2,500 per ekar)	RM 10,000.00
Benih pokok kelapa sawit (RM12.00 sepokok dan 60 pokok/ekar)	RM 2,880.00
Menyukat jarak, menggali lubang dan menanam benih kelapa sawit RM2.50/sepokok	RM 600.00
Jumlah Kos Awalan	RM 153,480.00

Kos Penjagaan/Tahun

Meracun rumpai setiap 3 bulan (RM39 seekar)	RM 624.00
Membaja setiap 3 bulan: 3 Bag (50kg) per ekar x RM85 per bag x 4 kali	RM 4,080.00
Jumlah Kos Penjagaan	RM 4,704.00

Kos Menuai/Tan

Upah menuai dan mengumpul BTS (RM80/tan) : (18 kali/tahun)	RM 80.00
Kos pengangkutan (RM20/tan): (18 kali/tahun)	RM 20.00
Jumlah Kos Menuai	RM 100.00

Kos awalan melibatkan kos membeli tanah pertanian, membersihkan, benih dan penanaman. Dianggarkan kos yang mampu dikeluarkan oleh individu untuk membeli tanah ialah RM140,00.00 dengan andaian harga se ekar RM35,000.00 untuk keluasan tanah pertanian 4 ekar atau 1.62 hektar. Manakala kos purata membersihkan tanah pertanian untuk se ekar dianggarkan RM2,500.00 atau RM10,000.00 untuk 4 ekar. Anggaran kos ini berdasarkan temubual dijalankan terhadap pengusaha dan pengendali jentelok di Hilir Perak. Pun begitu kos pembersihan ini bergantung kepada keadaan tanah, tahap kesukaran kerja pembersihan dan jarak tanah pertanian dengan pengendali jentolak. Kos purata membeli benih pokok kelapa sawit pula dianggarkan RM12.00 sepokok. Biasanya harga jualan di tapak samaian diantara harga RM10.00 hingga RM25.00 bergantung kepada saiz anak pokok kelapa sawit dan variasi. Anggaran harga ini adalah berdasarkan temubual dijalankan di beberapa tapak samaian di Tapah, Langkap dan Changkat Jong di Perak. Kos purata untuk mengukur jarak, menggali lubang dan menanam dianggarkan RM2.50 sepokok. Kebiasanya kos ini berbeza-beza bergantung kepada keadaan tanah dan lokasi, berdasarkan temubual biasanya buruh ladang menetapkan kos di antara RM2.50 hingga RM5.00. Anggaran kos berdasarkan kepada temubual terhadap buruh ladang yang mengambil upah membersihkan kebun di Hilir Perak.

Kos penjagaan terbahagi kepada 2 bentuk iaitu kos merumpai dan kos membaja. Kos merumpai adalah berdasarkan kepada keluasan tanah pertanian. Lazimnya kos ini bergantung pada jenis racun rumpai yang digunakan. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Ayat K Ab Rahman (2008), purata kos racun rumpai dan kos buruh untuk meracun adalah RM380.00 sehektar setahun atau RM39 se ekar untuk setiap 3 bulan. Untuk meningkatkan jumlah maksimum pengeluaran BTS, dicadangkan supaya kadar baja digunakan setiap pokok kelapa sawit sebanyak 10 kilogram iaitu 2.5 kilogram bagi setiap 3 bulan pembajaan yang mana dijangkakan hasil keluaran BTS 22.78 tan/hektar atau lebih bergantung kepada usia pokok kelapa sawit sepertimana kajian yang dijalankan oleh Ayat K Ab Rahman (2008).

Kos purata menuai serta mengumpul BTS dan pengangkutan untuk menjual buah tandan segar (BTS) ke pusat pengumpulan dianggarkan RM100.00 per tan dimana kos menuai RM80.00 dan kos pengangkutan RM20.00 per tan. Biasanya kadar kos menuai ditentukan berdasarkan tahap kesukaran mengambil BTS seperti ketinggian pokok kelapa sawit dan permukaan tanah pertanian. Berdasarkan kepada temubual terhadap pengusaha pekebun kecil kelapa sawit dan buruh ladang di Hilir Perak kos

menuai BTS diantara RM65.00 – RM110.00. Pun begitu kos bagi pengangkutan adalah tidak banyak beza iaitu di antara RM15.00 – RM20.00 per tan.

Analisis aliran tunai dilakukan untuk menjangkakan pulangan pelaburan berdasarkan pertimbangan dari aspek kewangan seperti dinyatakan di atas. Berdasarkan **jadual 1**, menunjukkan jangkaan aliran tunai bagi pelaburan dalam penanaman kelapa sawit dan hasilnya dilaburkan dalam akaun pelaburan deposit Mudharabah. Dianggarkan hasil pelaburan sepanjang tempoh 25 tahun ialah RM448,508.00 dan jumlah zakat perniagaan dan simpanan yang dikeluarkan berjumlah RM123,490.00.

Sekiranya pelaburan terus dilakukan ke dalam akaun pelaburan deposit Mudharabah tanpa melalui projek penanaman kelapa sawit, maka analisis dijalankan bagi tempoh yang sama dengan andaian kadar pulangan yang diberikan oleh perbankan Islam sebanyak 3.27% setahun. Dengan andaian hasil pulangan tahunan akan dilaburkan semula dalam akaun pelaburan deposit setelah ditolak zakat simpanan. Berdasarkan **jadual 2**, dianggarkan hasil pelaburan sepanjang tempoh 25 tahun sebanyak RM31,422.00 dan jumlah zakat simpanan yang dikeluarkan berjumlah RM118,078.00.

Berdasarkan perbandingan yang ditunjukkan dalam **jadual 3**, dijangka nilai kekayaan yang akan diterima oleh pengusaha tanaman kelapa sawit dan hasilnya dilaburkan dalam akaun pelaburan deposit Mudharabah ialah RM505,380.00 manakala pelaburan terus ke akaun pelaburan deposit Mudharabah pula menunjukkan jangkaan nilai kekayaan berjumlah RM199,732.00.

Jumlah eksport minyak sawit Malaysia sangat signifikan kepada perubahan harga minyak sawit dunia, minyak biji sesawi dan minyak soya. Analisis ini membuktikan harga minyak sawit dunia sangat memberi kesan negatif kepada jumlah eksport minyak sawit Malaysia. Hasil regresi di bawah menunjukkan hubungan antara eksport minyak sawit Malaysia dengan pemboleh ubah di bawah.

$$\ln(\text{ECPO}_t) = 10.65615 - 0.334237\ln(\text{SBO}_t) - 1.384162\ln(\text{CPO}_t) + 2.505355\ln(\text{RSO}_t) + \varepsilon_t$$

$$t = \quad (11.08266)^* \quad (-2.354701)^* \quad (-3.597236)^* \quad (7.351513)^*$$

$$R^2 = 0.728275 \quad F\text{-statistic} = 25.01506 \quad \text{Durbin-Watson} = 0.900194$$

*signifikan pada aras keertian 5%

PENUTUP

Berdasarkan analisis aliran tunai yang dijalankan, terbukti bahawa pelaburan dalam penanaman kelapa sawit dan hasil yang diperolehi dilabur dalam akaun pelaburan deposit sebagai salah satu sumber pendapatan skim persaraan. Ini kerana harga minyak sawit boleh dikatakan stabil walaupun berhadapan dengan krisis kewangan pada tahun 2008. Nilai tanah pertanian boleh digunakan sebagai penyerap kadar inflasi kerana nilai tanah pertanian berhubung secara positif dengan kadar inflasi. Pelaburan dalam penanaman kelapa sawit merupakan satu bentuk pelaburan yang sangat menyumbang kepada ekonomi benar dan menyumbang 30% keluaran pertanian Malaysia sejak 2006 – 2010.

Kajian juga mendapati zakat yang dikeluarkan adalah lebih tinggi dalam pelaburan penanaman kelapa sawit sebagai skim persaraan kerana pengusaha akan dikenakan 2 kali zakat iaitu zakat perniagaan (tujuan penanaman sawit adalah untuk jual beli) dan zakat simpanan. Manakala pelaburan deposit mudharabah hanya dikenakan zakat simpanan sahaja. Oleh itu kekayaan yang dikecapi oleh pengusaha dapat memberi manfaat kepada golongan asnaf hasil dari zakat yang dikeluarkan.

Penanaman kelapa sawit untuk dijadikan skim persaraan merupakan satu bidang baru yang perlu diterokai kerana pulangannya adalah sangat baik. Permintaan terhadap minyak dan lemak sentiasa meningkat dan ini menjadi faktor utama kestabilan harga komoditi ini disamping ia berpotensi digunakan sebagai biodiesel, pada masa ini negara tidak berupaya membekalkan minyak sawit untuk kegunaan industri biodiesel secara meluas. Diharapkan kajian ini dapat mengurangkan jumlah tanah terbiar dan dapat dimanfaatkan dengan menanam kelapa sawit dan seterusnya menjana pendapatan yang dapat dimanfaatkan untuk menampung keperluan keluarga. Lantaran itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit sumbangan dalam meningkatkan kekayaan individu dan menjadi pilihan untuk meningkatkan hasil pertanian negara dan seterusnya membantu negara mengurangkan jurang kemiskinan diantara golongan kaya dan miskin.

Diharapkan kajian akan datang dapat diteruskan untuk mengenalpasti impak kepada harga minyak sawit ekoran perbankan Islam menggunakan minyak sawit sebagai medium untuk melaksanakan akad jual beli. Ini kerana perkembangan institusi perbankan Islam banyak ditubuhkan

pada tahun 2008-2009 dan harga minyak sawit dilihat mempunyai aliran tren yang sama dengan jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh perbankan Islam.

RUJUKAN

- Abdel-Hameed M. Bashir. (2000), "Determinants of Profitability and Rate of Return Margins in Islamic Banks: Some Evidence From the Middle East", *Economic Research Forum*, Amman, 26-29 October.
- Abdou Diaw and Abdoulaye Mbow (2011) A Comparative Study of the Returns on Mudharabah Deposit and on Equity in Islamic Banks. *Journal of Humanomics*. Vol. 27, No 4:229-242.
- Amna Awad Abdul Hameed & Fatimah Mohamad Arshad, (2008). The Impact of Petroleum Prices on Vegetable Oils Prices: Evidence From Cointegration Tests. *Kajian dibentangkan pada The International Borneo Business Conference on Global Changes: Corporate Responsibility anjuran UMS & UNIMAS*, 15-17 Disember.
- Ayat K Ab Rahman & et.al (2008). The Malaysia Palm Oil Supply Chain: The Role of the Independent Smallholders. *Oil Palm Industry Economic Journal*. vol. 8(2):17-27.
- Azman Ismail & Mohd Noor Mamat. (2002). The Optimal Age of Oil Palm Replanting. *Oil Palm Industry Economic Journal*. vol. 2(1):11-18.
- Bank Negara Malaysia. (2012). Ledakan Harga Komoditi: Adakah Ciri Pasaran Kewangan (Financialisation) dalam Pasaran Komoditi Merupakan Satu Faktor?. (Laporan Tahunan), 54-59.
- Ben R. Marshall, Nhut H. Nguyen & Nuttawa. (2013) Liquidity Commonality in Commodities, *Journal of Banking & Finance*, Volume 37, Issue 1:11-20.
- Dalina Amonhaemanon, Marc J.K De Ceuster, Jan Annaert & Hau Le Long. (2013). The Inflation-Hedging Ability of Real Estate Evidence in Thailand: 1987-2011. *Procedia Economics and Finance*, (5): 40 – 49.
- Hichem Hamza & Zied Saadaoui. (2013). Investment Deposits, Risk-taking and Capital Decisions in Islamic Banks. *Studies in Economics and Finance*. Emerald. Vol. 30, No 3:244-265.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). Laporan Indikator Terpilih Pertanian, Tanaman dan Ternakan: Malaysia 2006-2010.
- Josef L. Loening, Dick Durevall & Yohanes Ayalew Birru. (2013). Inflation Dynamics and Food Prices in Ethiopia. *Journal of Development Economics*. Vol. 104:89-106.
- Karvy Comtrade Limited. (2010). Crude Palm Oil.
- Koh CS. (2007). Comments On Draft Document: Diet, Nutrition, and the Prevention of Chronic Diseases. Malaysian Palm Oil Promotion Council. Diambil pada 19 Mac 2014, dari http://www.who.int/dietphysicalactivity/media/en/gsfao_cmo_068.pdf.
- Laporan Statistik BNM, Sistem Perbankan: Jumlah Deposit Mengikut Jenis. Diambil pada 19 April 2014 dari http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication_catalogue&pg=en_publication_msb&mth=2&yr=2014&lang=bm.
- Man Kee Lam, Kok Tat Tan, Keat Teong Lee & Abdul Rahman Mohamed. (2009). Malaysian Palm Oil: Surviving the Food Versus Fuel Dispute For a Sustainable Future. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, Volume 13, Issues 6–7:1456-1464.
- Mansor Jusoh, Antoni & Norain Mod Asri (2010) Integrasi Kadar Pulangan dan Kebolehgantian Deposit Perbankan Islam dengan deposit perbankan konvensional. *Jurnal Ekonomi Malaysia* Vol. 44:11-21.
- Malaysian Palm Oil Board.(2013). Malaysian Oil Palm Statistics 2012. (report) Ministry of Plantation Industries and Commodities.
- Melabur Dalam Komoditi. Diambil pada 5 April 2014 dari www.sidc.com.my.
- M.N. Noormahayu, A.R. Khalid & M.A Elsadig. (2009). Financial Assessment of Oil Palm Cultivation on Peatland in Selangor, Malaysia. *Mires and Peat*. Volume 5 (2):1-18.
- Mohamed El Hedi Aroui & Duc Khuong Nguyen (2010) Oil prices, stock markets and portfolio investment: Evidence from sector analysis in Europe over the last decade. *Energy Policy*, Vol. 38, Issue 8: 4528- 4539.
- Moody's Investors Service. (2014). Palm Oil Producers benefit From Strong Industry Fundamentals. Diambil pada 12 May 2014 dari <https://www.moody's.com/>.
- Rahmah Ismail & Mohd Shukri Hajinoor. (2003), *Dimensi Ekonomi Pembangunan Teori & Realiti*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. .

- Ramli Abdullah. (2011). World Palm Oil Supply, Demand, Price and Prospects: Focus on Malaysian and Indonesian Palm Oil Industries. *Oil Palm Industry Economic Journal*. vol. 11(2):13-25.
- Rashid Ameer, Radiah Othman & Nurmazilah Mahzan (2012) Information asymmetry and regulatory. *Journal of Islamic and Middle Eastern and Management*. Vol. 5, No 4:371-387.
- Rifki Ismal (2011) Depositors' withdrawal behavior in Islamic banking: case of Indonesia. *Journal of Humanomics*. Emerald. Vol 27, o 1:61-76
- S. Sumathi , S.P. Chai, A.R. Mohamed. (2008). Utilization of oil palm as a source of renewable energy in Malaysia, *Renewable and Sustainable Energy Reviews*. Volume 12, Issue 9:2404-2421.
- Simone Pfuderer & Maria Del Castello (2008), *The Impact of Biofuels on Commodity Prices*. London:Department for Environment, Food and Rural Affairs.
- Shaista Wasiuzzaman & Hanimas-Ayu Ahmad Tarmizi. (2010). Profitability of Islamic Banks in Malaysia: An Empirical Analysis. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*. Volume 6, no. 4:53-68.
- Statistik Harga BTS Bulanan, MPOB. Diambil pada 19 April 2014 dari <http://mpob.gov.my/>
- Valentina Remig, et.al (2010). Trans Fats in America: A Review of Their Use, Consumption, Health Implications, and Regulation, *Journal of the American Dietetic Association*, Volume 110, Issue 4, 585-592
- Zainalabidin Mohamed.. (2005), *Pertanian dan Islam –Sara Diri, Sampingan Atau Komersial?*. Dlm. Mohd Shahrizah Sulaiman (pnyt.). *Model Sebuah ekonomi Maju Dari Perspektif Islam* , hlm. 127-140. Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Zulkifli Abd Manaf & et.al (2013). Assessment of the Oil Palm Seedlings Assistance Scheme on Fresh Fruit Bunch Yield and Income of Smallholders. *Oil Palm Industry Economic Journal*. Vol. 13 (1):35-44.

JADUAL 1: Analisis Aliran Tunai bagi Pelaburan Dalam Penanaman Kelapa Sawit dan Hasilnya Dilaburkan Dalam Akaun Pelaburan Deposit Mudharabah.

A	B	C	D	E	F			G	H	I	J	K	L	M	N	O
TAHUN	JANGK AAN NILAI TANAH MENINGKAT SETAHUN (2% SETAHUN)	HASIL BTS (TAN) / HEKTAR	HASIL BTS (TAN) / TAHUN (C X 1.62 HEKTAR)	JANGK AAN HASIL JUALAN SETAHUN BTS (D X F)	JANGK AAN HARGA BTS MENINGKAT SETAHUN	KOS MENJAJAN	JANGK AAN KOS PENJAJAN MENINGKAT / TAHUN	JANGKA AN KOS PENGEL UARAN	UNTUNG SEBELUM ZAKAT (E-G)	ZAKAT PERNIA GAAN (H X 2.5%)	UNTUNG BERSIH (H-I)	DARI UNTUNG BERSIH & AKAUN PELABURAN DILABUR SEMULA (J + Oy-1)	KEUNTUNGAN DARI PELABURAN MUDHARABAH	JUMLAH PELABURAN MUDHARABAH (K + L)	ZAKAT HUJUNG TAHUN UNTUK PELABURAN MUDHARABAH (M x 2.5%)	BAKI PELABURAN MUDHARABAH SELEPAS ZAKAT SIMPANA N (M-N)
1	140,000	-					4,704	18,184	-		-					
2	142,800	-		-			4,939	4,939	-		-					
3	145,656	-		-			5,186	5,186	-		-					
4	148,569	16.32	26.42	13,776	521	2,642	5,445	8,087	5,689	142	5,547	5,547	181	5,728	143	5,585
.
.
23	216,437	26.37	42.69	46,899	1,099	8,324	13,760	22,084	24,814	620	24,194	389,774	12,741	402,515	10,063	392,452
24	220,766	26.12	42.28	48,312	1,143	8,456	14,448	22,905	25,407	635	24,772	417,224	13,638	430,862	10,772	420,090
25	225,181	25.87	41.88	49,764	1,188	8,585	15,171	23,756	26,008	650	25,358	445,448	14,561	460,008	11,500	448,508
	225,181		966	786,932					429,232	10,731	418,501				112,759	448,508

JADUAL 2: Analisis Aliran Pulangan Pelaburan Akaun Deposit Mudharabah

A	B	C	D	E	F	G
TAHUN	PELABURAN AKAUN MUDHARABAH	KEUNTUNGAN DARI PELABURAN MUDHARABAH	JUMLAH PELABURAN MUDHARABAH TAHUN	BAYAR ZAKAT HUJUNG TAHUN UNTUK PELABURAN MUDHARABAH (D x 2.5%)	SIMPANAN BERSIH SELEPAS ZAKAT PELABURAN (D - E)	UNTUNGAN BERSIH SETIAP TAHUN
1	168,309	5,502	173,811	4,345	169,466	1,156
2	169,466	5,539	175,005	4,375	170,630	1,164
3	170,630	5,577	176,207	4,405	171,802	1,172
4	171,802	5,616	177,418	4,435	172,983	1,180
.
.
22	195,671	6,396	202,067	5,052	197,015	1,344
24	197,015	6,440	203,455	5,086	198,369	1,354
25	198,369	6,484	204,853	5,121	199,732	1,363
			118,078	199,732	31,422	

JADUAL 3: Perbandingan Pelaburan

ITEM	PELABURAN PENANAMAN KELAPA SAWIT (RM)	PELABURAN LANGSUNG DEPOSIT MUDHARABAH (RM)
KOS PERMULAAN	168,309	168,309
HASIL DARI PELABURAN	448,508	31,422
NILAI KEKAYAAN	505,380	199,732
ZAKAT	123,490	118,078